



PERSIDANGAN TVET ASEAN TEGASKAN KEPENTINGAN KEMAHIRAN DIGITAL DAN HIJAU SEIRING DENGAN TRANSFORMASI SERANTAU

KUALA LUMPUR, 13 Ogos 2025 – Persidangan TVET ASEAN (ASEAN TVET), sebuah platform utama di bawah ASEAN Year of Skills (AYOS) 2025, telah bermula hari ini dengan seruan untuk rantau ini mempersiapkan tenaga kerjanya bagi menghadapi cabaran dan peluang pendigitalan maju serta peralihan hijau, sekali gus membuka jalan ke arah ekosistem TVET yang bersedia untuk masa depan.

Persidangan yang dianjurkan Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Malaysia (PTPK) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia Malaysia (KESUMA) ini menghimpunkan kira-kira 1,500 pembuat dasar, pemimpin industri, penyedia dan pendidik TVET di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur untuk merangka agenda kemahiran yang bersedia untuk masa depan.

ASEAN TVET 2025 membuka tirai sebagai platform utama dua hari perbincangan berprofil tinggi dan kerjasama strategik dengan menggerakkan agenda Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai pemacu utama peralihan digital dan hijau yang inklusif di seluruh ASEAN. Mengangkat tema inovasi dan kemahiran masa depan, acara ini turut menampilkan pameran menarik dengan penyertaan 57 pempamer yang mengetengahkan teknologi terkini, penyelesaian latihan canggih dan inovasi tempatan yang bakal membentuk landskap kemahiran digital serta hijau rantau ini.

Disempurnakan oleh **YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah serta Pengerusi Majlis TVET Negara (MTVET)**, beliau menggariskan visinya untuk ASEAN bekerjasama secara kolektif dalam membina tenaga kerja yang bersedia menghadapi cabaran masa depan. Beliau menekankan bahawa kerjasama harus memfokuskan kepada memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap bakat digital dan hijau agar agenda kemahiran rantau ini berlandaskan hasil dunia sebenar.

UNTUK SIARAN SEGERA

Beliau menegaskan bahawa ASEAN TVET mesti lebih daripada sekadar platform perbincangan, sebaliknya perlu menghasilkan keputusan konkrit yang memenuhi keperluan pasaran dan mendorong perubahan bermakna.

“Persidangan ini mesti mencetuskan dasar-dasar yang memenuhi keperluan pasaran, membuka peluang untuk semua, menjadikan majikan sebagai rakan kongsi sebenar dan mempercepatkan pembelajaran berteknologi tinggi. Inilah cara ASEAN membentuk tenaga kerja yang inklusif, bersedia untuk masa depan dan berpotensi memimpin industri TVET global.

“Daripada perhimpunan ini, kita boleh menubuhkan satu gerakan serantau baharu – ASEAN Green and Digital Skills Taskforce – yang menyatukan kita dalam tindakan konkrit, sasaran yang boleh diukur dan sokongan bersama yang berterusan untuk melahirkan bakat yang diperlukan oleh rantau ini,” kata Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid dalam ucapannya.

Sementara itu, YB Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia Malaysia, menekankan peluang ASEAN untuk menjadi peneraju dalam ekonomi digital dan hijau melalui kerjasama yang lebih mendalam serta pembangunan kemahiran yang inklusif.

“Dalam era di mana AI menjadi pemikir, dunia masih memerlukan mereka yang boleh membina, membaiki, mengendalikan, berkomunikasi, menyelia dan mengatur. Inilah elemen kemanusiaan dan sosial yang memerlukan kemahiran, kecekapan dan kepercayaan. Elemen-elemen ini akan bertahan lebih lama daripada kitaran sensasi teknologi. Dalam erti kata lain, latihan kemahiran adalah mata wang pada masa kini.

“Untuk merealisasikan sepenuhnya potensi ASEAN, kita mesti bergerak ke arah sinergi yang lebih tinggi dalam rangka kerja pensijilan bersama. Jika kemahiran adalah mata wang IR 4.0, maka untuk kemajuan pasaran kemahiran ASEAN, kita mesti berusaha keras ke arah pengiktirafan bersama,” ujarnya.

Menyertai persidangan secara maya, Dr. Kao Kim Hourn, Setiausaha Agung ASEAN, menekankan keperluan untuk memajukan pembangunan kemahiran hijau bagi memastikan rantau ini kekal berdaya saing dalam ekonomi global.

“Usaha kita membina kemahiran hijau mesti dipercepatkan melalui perkongsian yang lebih kukuh antara institusi latihan dan industri, terutamanya apabila kita berusaha untuk memimpin, bukan sekadar mengikut, dalam ekonomi hijau global.”

UNTUK SIARAN SEGERA

“Di seluruh ASEAN, perubahan teknologi yang pesat dan perkembangan keperluan pasaran buruh sedang memburukkan lagi kekurangan kemahiran, terutamanya dalam kecekapan digital dan alam sekitar. Tanpa tindakan tegas, jurang ini berisiko melambatkan kemajuan ekonomi rantau ini,” katanya.

Bertemakan “**Memacu Transformasi Digital dan Hijau melalui Sistem TVET yang Inklusif serta Sedia Menghadapi Cabaran Masa Depan,**” persidangan ini membincangkan keperluan memodenkan latihan, meningkatkan mobiliti kemahiran dan memastikan akses inklusif untuk wanita, belia, orang kurang upaya serta komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan.

Acara ini turut menampilkan perbincangan mengenai “Greening ASEAN TVET”, meneroka kaedah mengintegrasikan kelestarian ke dalam pembangunan kemahiran sambil memastikan peralihan yang adil untuk semua pekerja.

Mewakili Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Kaori Nakamura-Osaka, Penolong Ketua Pengarah merangkap Pengarah Serantau Asia dan Pasifik, berkata bahawa TVET mempunyai potensi unik dalam transformasi digital dan hijau.

“TVET mempunyai potensi unik untuk menjadi pemacu transformasi digital dan hijau. Untuk mencapainya, latihan kemahiran perlu diselaraskan untuk menyokong transformasi ini. Teknologi baharu dan inovasi juga mesti diterapkan dalam pembelajaran dan penyampaian latihan. Tiada siapa boleh diketepikan dalam mengakses peluang latihan baharu.

“ILO berbangga kerana dapat bekerjasama dengan ASEAN dan Negara Anggotanya dalam mempromosikan dasar kemahiran yang inklusif, berorientasikan masa depan dan berpaksikan kepada pekerjaan yang bermaruah,” tambahnya.

Hadir sama, **Datuk Azman bin Mohd Yusoff, Ketua Setiausaha KESUMA; Dr. Syed Alwi bin Mohamed Sultan, Ketua Eksekutif HRD Corp; Mohd Fathullah bin Mustafa, Ketua Eksekutif PTPK; dan Dr. Rony Ambrose Gobilee, Ketua Pegawai Strategi HRD Corp merangkap Pengerusi Penganjur AYOS 2025.**

ASEAN TVET merupakan platform utama keempat di bawah AYOS 2025, dianjurkan bersempena Kepengerusian ASEAN 2025 oleh Malaysia. Menerusi platform utama AYOS 2025 yang seterusnya, termasuk Persidangan dan Pameran Modal Insan Kebangsaan (NHCCE), Forum Kemahiran Global (GSF) dan Forum Menteri-Menteri Tenaga Kerja ASEAN bagi Pembangunan Modal Insan (AFMM-HCD), Malaysia akan terus memacu agenda pembangunan modal insan ini yang bertujuan mempromosikan kerjasama berani, memperkukuh penglibatan industri dan mengintegrasikan kelestarian alam sekitar ke dalam sistem kemahiran.

UNTUK SIARAN SEGERA

Untuk maklumat lanjut mengenai AYOS 2025 dan platform utama yang akan datang, sila layari www.aseanyearofskills.org.

-Tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA

Mengenai HRD Corp

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) merupakan agensi peneraju kerajaan Malaysia bagi pembangunan modal insan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Diurus selia oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta PSMB 2001), HRD Corp bertanggungjawab terhadap kutipan serta pentadbiran levi pembangunan sumber manusia melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM). Tanggungjawab ini merangkumi usaha menggalakkan latihan, latihan semula serta peningkatan kemahiran pekerja, perantis dan pelatih, untuk menyelaraskan keupayaan mereka dengan keperluan majikan serta aspirasi negara untuk membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Usaha ini memastikan tenaga kerja Malaysia kekal berdaya saing di samping mampu menyesuaikan diri dengan tuntutan ekonomi semasa dan masa depan.

HRD Corp juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh pasaran latihan di Malaysia, memacu inovasi, kualiti dan akses inklusif kepada pembangunan kemahiran di seluruh negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdcorp.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Mengenai PTPK

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Sumber Manusia yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) yang mula berkuatkuasa pada 1 Jun 2006.

Dasar dan hala tuju PTPK ditentukan oleh Lembaga Pengarah PTPK yang diterajui oleh mereka yang berpengalaman dan mahir dalam pelbagai latar belakang sama ada dari sektor Kerajaan, sektor swasta mahupun wakil Penyedia Latihan Kemahiran.

Fungsi Utama

1. Mengenal pasti dan meluluskan program latihan Kemahiran yang layak bagi pinjaman latihan kemahiran;
2. Mengadakan dan memberikan pinjaman latihan kemahiran dan bantuan kewangan selain pinjaman latihan kemahiran kepada pelatih, dan memberikan perkhidmatan dalam mentadbir, mengawas dan memungut pembayaran balik pinjaman; dan
3. Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberikan kepada Perbadanan atau oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila layari laman sesawang PTPK di www.ptpk.gov.my